

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89

Jun 1989

CSD402 - Sistem Maklumat Lanjutan

Masa : [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan SATU dan DUA soalan lain daripada soalan 2, 3 dan 4.

Semua jawapan mestilah ditulis di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Berikan satu takrifan MIS yang menyeluruh dan bincangkannya dengan memberikan keterangan mengenai setiap sebutan dalam MIS.

[20/100]

- (b) Terdapat 3 bentuk struktur organisasi yang menunjukkan kedudukan fungsi MIS di dalam sesebuah organisasi. Lukiskan ketiga-tiga bentuk struktur organisasi tersebut dan bincangkan tentang kebaikan dan keburukannya.

[25/100]

- (c) Berikan keterangan ringkas tentang perbezaan setiap sebutan berikut:

- (i) MIS dan DP.
- (ii) MIS dan DSS.
- (iii) MIS dan IR.
- (iv) data dan maklumat.

[20/100]

...2/-

- (d) Apakah fungsi yang dimainkan oleh MIS di dalam sesebuah organisasi?

[20/100]

- (e) Senaraikan subsistem-subsistem utama yang terdapat di dalam sesebuah sistem Maklumat Perakaunan.

[15/100]

2. (a) Terangkan cara-cara bagaimana suatu MIS dapat memberikan kelebihan daya saingan kepada sesebuah syarikat.

[20/100]

- (b) Penilaian prestasi sesuatu sistem IR adalah suatu perkara yang penting dan kompleks. Bincangkan faktor-faktor yang harus diambil kira dalam penilaian sesebuah sistem IR.

[20/100]

- (c) Syarikat ABC ingin mengotomaskan sistem perakaunannya. Anda telah ditugaskan untuk menjalankan kajian untuk meneliti sama ada sistem tersebut patut dibangunkan ataupun dibeli.

- (i) Berikan faktor-faktor yang harus dipertimbangkan untuk menentukan sama ada sistem tersebut patut dibeli atau dibangunkan.

[15/100]

- (ii) Huraikan secara ringkas proses perolehan sistem perakaunan ini.

[30/100]

- (d) Mengapakah perancangan muatan perlu dijalankan oleh sesebuah pusat komputer?

[15/100]

...3/-

3. (a) Syarikat XYZ sangat bergantung kepada sistem komputer untuk menjalankan operasi hariannya. Sekiranya sistem komputer syarikat tidak berfungsi, ianya tidak dapat menjalankan operasi harian. Anda sebagai pengurus MIS di syarikat berkenaan dikehendaki berbuat sesuatu untuk memastikan syarikat dapat menjalankan operasi hariannya tanpa kegagalan sistem komputer. Bincangkan tentang langkah-langkah yang akan anda laksanakan.

| 25/100 |

- (b) Bincangkan secara ringkas tentang kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk mengenalpasti keperluan maklumat pihak pengurus atasan. (Sekurang-kurangnya 2 kaedah).

| 25/100 |

- (c) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengurus-pengurus MIS di dalam menuruskan fungsi MIS pada hari ini?

| 25/100 |

- (d) Senaraikan langkah-langkah yang perlu dilalui dalam melaksanakan suatu kajian BSP. Gunakan gambarajah jika perlu.

| 25/100 |

4. (a) Apakah aspek-aspek penting yang perlu diberikan penekanan di dalam Pengurusan Sumber Maklumat (IRM)?

| 20/100 |

- (b) Dengan mengambil AIM sebagai organisasi

- (i) nyatakan kedudukan fungsi pemprosesan data organisasi ini berdasarkan kepada teori pertumbuhan berperingkat Nolan. Berikan alasan-alasan yang dapat menyokong jawapan anda.

| 15/100 |

- (ii) Apakah yang dimaksudkan dengan CSF? Senaraikan 3 CSF organisasi ini.

| 15/100 |

... 4/-

(c) Terangkan secara ringkas cara-cara analisis teks dilakukan.

[25/100]

(d) Nyatakan mengapa sesebuah organisasi itu perlu menjalankan suatu kajian ISP.

[25/100]

- 0000000 -